

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 43

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes yang disiasat oleh SPRM dan berapa banyak yang telah didakwa di mahkamah dan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan setiap kes yang disiasat SPRM akan dibawa dan didakwa ke mahkamah.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ledang, bagi tempoh 2015 sehingga Mei 2019, sebanyak 4,239 Kertas Siasatan telah dibuka oleh SPRM manakala sebanyak 1,281 Kertas Siasatan telah dituduh di mahkamah. Pecahan Kertas Siasatan yang dibuka dan dituduh mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	KERTAS SIASATAN	TUDUH
2015	982	223
2016	985	259
2017	863	373
2018	833	294
2019 (Mei)	576	132
JUMLAH	4,239	1,281

Setiap siasatan akan dijalankan dengan terperinci dengan mengambil kira segala keterangan yang diambil daripada saksi-saksi serta bukti-bukti yang dikumpulkan. Berdasarkan keterangan saksi dan bukti tersebut, syor akan dikemukakan kepada pihak Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya. Dalam hal ini, tidak semua siasatan akan berakhir dengan pendakwaan disebabkan keterangan serta bukti-bukti yang tidak mencukupi untuk pertuduhan dilakukan di mahkamah.

Sekian, terima kasih.